

*Nota : Syarat khas bagi produk-produk ini telah ditetapkan SPAN sebagai syarat tambahan kepada syarat umum yang akan dinyatakan sebagai perkara (E)*

## **SYARAT-SYARAT KHAS PRODUK**

### **Air Blower Diapharm**

1. Produk ini hanya boleh digunakan untuk aplikasi pada tangki septik mekanikal sahaja.

### **Pam untuk aplikasi selain untuk 'Raw Sewage Pumping'**

1. Produk yang disenaraikan di dalam Sijil ini **tidak dibenarkan** untuk aplikasi mengempam air kumbahan yang belum dirawat.

### **Sistem Loji Pakej**

1. Penggunaan produk mesti dilaksanakan secara reka dan bina yang mana kerja-kerja merekabentuk, membina, memasang, menguji dan mentauliah perlu dijalankan oleh pembekal.
2. Semua produk seperti peralatan mekanikal, instrumentasi, paip dan injap yang digunakan perlulah daripada pembekal yang berdaftar dengan SPAN.

### **Sistem Vakum**

1. Penggunaan produk mesti dilaksanakan secara reka dan bina yang mana kerja-kerja merekabentuk, membina, memasang, menguji dan mentauliah perlu dijalankan oleh pembekal.
2. Pembekal bertanggungjawab untuk mengendali dan menyelenggara sehingga beban kapasiti penduduk setara mencapai 80%. Setelah itu tanggungjawab pemantauan tersebut perlu dilanjut selama satu (1) tahun lagi sebelum ia diserahkan kepada pemegang lesen untuk penyelenggaraan.
3. Sijil ini adalah tertakluk kepada *Declaration by Supplier [Form LB-VS (1)]* yang dikemukakan semasa permohonan.

### **Sewer Liner**

1. Kerja-kerja mereka bentuk dan pemasangan bagi produk ini adalah di bawah tanggungjawab pembekal.

### **Tangki Septik Mekanikal**

1. Semua produk seperti peralatan mekanikal dan paip-paip yang digunakan perlulah daripada pembekal yang berdaftar dengan SPAN.